

08 DEC 1997

Parlimen - Kewangan

MENTERI TIDAK PERLU ANGGOTAI NEAC, KATA NUNGSARI

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ini berkata menteri kabinet tidak perlu dilantik sebagai anggota Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) kerana kehadiran mereka tidak akan mencambah ide bagi mencari penyelesaian kepada masalah ekonomi masa kini.

Dr Nungsari Ahmad (BN-Balik Pulau) berkata di Dewan Rakyat bahawa selain menteri, mereka yang selama ini telah memberi ide kepada soal ekonomi negara juga tidak perlu dilantik sebagai anggota kerana alasan yang sama.

"Kalau kerajaan benar-benar mahu mencari pandangan yang tulen, lantiklah mereka yang selama ini tidak berkesempatan untuk memberi pandangan dalam ekonomi negara," katanya.

Semasa membahaskan Rang Undang-Undang Kewangan 1997, Nungsari, seorang bekas pensyarah ekonomi, berkata beliau memberi pendapat itu dengan ikhlas kerana mahu memastikan keberkesanan majlis itu walaupun sedar bahawa "siapalah beliau untuk menentukan perkara itu".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengumumkan mengenai cadangan penubuhan majlis itu baru-baru ini berkata menteri-menteri kabinet yang kementerian mereka mempunyai kaitan dengan ekonomi akan dilantik menganggotai majlis berkenaan yang akan dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Nungsari juga berharap kerajaan tidak akan meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana tindakan seperti itu boleh menjejaskan kedaulatan Malaysia.

"IMF patut dijadikan peminjam terakhir kepada penyelesaian kemelut yang dihadapi kini," kata beliau.

Yunof Meringking (PBS-Tuaran) pula mahu ahli ekonomi dan pegawai-pegawai kerajaan memberi fakta yang betul serta menyatakan kemungkinan yang akan berlaku akibat keadaan ekonomi sekarang kepada Jemaah Menteri bagi memastikan tindakan kabinet adalah tepat.

"Sekiranya mereka telah menyatakan pandangan yang tepat dan betul tetapi diketepikan oleh Jemaah Menteri, tanggungjawab terhadap negara tidak lagi terbeban di bahu mereka," kata beliau.

Yunof mencadangkan agar kerajaan mengubah semula dasarnya dari perindustrian ke pertanian.

Persidangan disambung esok. -- BERNAMA

RA MAI